



### **MOHD. AHYAR NASUTION**

lebih dikenali sebagai M.A. Nast (Haji). Beliau dilahirkan pada 4 Mac 1940 di Pengkalan Beranda Sumatra, Indonesia. Minatnya dalam bidang penulisan bermula sejak zaman remajanya lagi. Pada tahun 1957, Mohd. Ahyar mula menulis secara serius dalam genre cerpen, puisi dan esei. Karya beliau tersiar di dalam akhbar *Sabah Times* dan *Daily Express*, karya beliau turut termuat dalam antologi Gema Lembah Kinabalu. Bersama-sama dengan rakan penulis lain seperti Noraini Haji Salleh, Halik Zaman, Jamdin Buyong bergiat aktif dalam persatuan penulis Badan Bahasa Sabah (BAHASA) dan Persatuan Penulis Sabah (PERPESA). Melalui persatuan penulis

inilah mereka terus berkarya dan menyemarakkan dunia kesusasteraan di negeri Sabah, terutama pada tahun 1970-an yang merupakan zaman kemuncak kegiatan penulisan di negeri Sabah. Mohd. Ahyar Nasution, bersama-sama Dzulkifli Abdul Hamid, Jamdin Buyong dan Noraini Haji Salleh bergabung tenaga untuk memperjuangkan kedaulatan bahasa Melayu di negeri Sabah. Hingga kini beliau terus mengikuti perkembangan penulisan dan kegiatan sastera khususnya di Sabah setelah bersara wajib daripada perkhidmatan awam di Radio Televisyen Malaysia (RTM) kawasan Sabah.